



## **KDN terbuka siasatan rasuah '25 jam sehari'**

Oleh Norzamira Che Noh - Mac 28, 2023 @ 9:31pm  
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Kementerian Dalam Negeri (KDN) memberi ruang serta kebebasan seluas-luasnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan siasatan berhubung kes rasuah membabitkan penguat kuasa bawah kementerian itu.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia berikutan kerajaan yang baik perlu ada usaha atasi elemen rasuah di semua peringkat.

"Kita (KDN) 'buka 25 jam sehari' dan itulah komitmen serta keterbukaan bahawa usaha untuk atasi masalah rasuah ini harus berlaku dari atas hingga ke peringkat bawah.

"Jadi dengan cara menghormati dan mengiktiraf peranan agensi penguatkuasa seperti SPRM, itulah pendirian saya sepanjang terajui KDN," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Penerapan Nilai Murni dan Iftar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, jika masyarakat mempunyai bukti dan alasan untuk mengaitkannya, proses tepat adalah membuat laporan kepada SPRM.

Ujarnya, komitmen beliau adalah '25 jam sehari' agar SPRM melakukan tugas tanpa sebarang kacau ganggu mahu pun sekatan di peringkatnya (KDN).

"Itu menunjukkan ketelusan dan keterbukaan kami di peringkat KDN," jelasnya.

Semalam, media melaporkan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya menerusi kenyataan memberitahu, banjir pendatang asing tanpa izin (PATI), pekerja dan pelajar asing di negara ini dilihat sebagai peluang besar kepada segelintir penguat kuasa yang tidak berintegriti untuk mengaut rasuah di negara ini.

Tidak kira sama ada mereka ini mempunyai permit kerja, visa pelajar apatah lagi 'kosong' tanpa permit dan berstatus PATI, kumpulan ini sering menjadi sasaran penguat kuasa.

Kenyataan itu turut menyebut bahawa tahap korupsi anggota penguat kuasa selaku barisan hadapan keselamatan negara dilihat semakin kronik dan membimbangkan.